Tiada keperluan tangguh peperiksaan SPM, SPTM - KP Pendidikan

Oleh Nurul Fatihah Sulaini - Disember 2, 2024 @ 2:13pm
bhnews@bh.com.my



Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan (kiri) meninjau sekolah yang turut dilanda banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Payong, Besut, hari ini. - Foto NSTP/Nurul Fatihah Sulaini

BESUT: Kementerian Pendidikan memutuskan tiada keperluan untuk menangguhkan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) termasuk tarikh ujian lisan ketika bencana banjir kerana perlu mengambil kira pelbagai faktor.

Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan berkata saban tahun negara dilanda dengan bencana banjir terutama ketika Monsun Timur Laut (MTL).

KPM katanya, mempunyai mekanisme untuk menangani isu banjir terutama membabitkan peperiksaan awam khususnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Kita akan menambah baik Operasi Payung termasuk menangani pelbagai isu di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) serta Jabatan Pelajaran Negeri.

"Melakukan penyelarasan antara pihak penyelamat termasuk polis, tentera serta agensi penyelamat lain sepanjang berdepan dengan bencana banjir," katanya ketika membuat tinjauan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Payong, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Pendidikan Terengganu, Jelani Sulong.

Menurut Azman, setiap jadual peperiksaan yang disusun sudah mengambil kira pelbagai perkara, sekiranya penangguhan dibuat akan menjejaskan perkara lain termasuk kemasukan pelajar ke universiti.

"Pelajar yang menduduki peperiksaan ditempatkan di asrama untuk membolehkan mereka dapat mengulangkaji pelajaran dengan selesa menggunakan segala kemudahan belajar seperti kelas serta perpustakaan.

"Saya jumpa mereka (calon SPM) sangat teruja untuk menduduki peperiksaan walaupun terpaksa (lalui) bencana turut mendapat sokongan pelbagai pihak termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Kita sudah mengarahkan semua pihak termasuk kumpulan sokongan terdiri daripada guru kaunseling untuk menyantuni calon SPM supaya segala isu berkaitan psikologi sosial pelajar dapat ditangani sebaiknya," katanya.

Setakat ini KPM sudah mengenal pasti sebanyak 132 sekolah terkesan dengan banjir di seluruh negara.